

AKAUN SIMPANAN HARVEST TERMA DAN SYARAT (“T&S”)

Terma & Syarat ini hendaklah dibaca bersama-sama secara keseluruhan dengan [Terma dan Syarat Am Akaun untuk Deposit dan Deposit Perbankan Islam](#), Terma dan Syarat Kad Debit dan mana-mana terma dan syarat lain yang dikenakan oleh Hong Leong Bank Berhad (“HLB”) dari semasa ke semasa dengan memberi notis awal **dua puluh satu (21)** hari kalendar, termasuk kaedah dan peraturan lain yang mengikat ke atas HLB.

Kelayakan

1. Individu berumur **lima puluh (50)** tahun ke atas adalah layak membuka Akaun Simpanan Harvest Hong Leong (“Harvest SA”). Individu yang telah membuka Harvest SA akan dirujuk sebagai “Pemegang Akaun”.
2. Harvest SA boleh dipegang secara individu atau bersama.
3. Pemastautin bukan Warga Malaysia adalah tertakluk kepada peruntukan Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan Notis Pertukaran Asing yang dikeluarkan di bawahnya.
4. Keempunyaan Tunggal, Perkongsian Tak Diperbadankan, Perkongsian Liabiliti Terhad, Amalan Profesional, Kelab, Pertubuhan, Persatuan, Sekolah, Perbadanan, Pertubuhan Bukan Untung dan entiti perniagaan lain tidaklah layak membuka ataupun mengendalikan Harvest SA.
5. Deposit permulaan minimum untuk membuka Harvest SA ialah **Ringgit Malaysia Satu Ribu (RM1,000)** sahaja.
6. Tidak diperlukan pencadang untuk membuka Harvest SA.

Faedah Simpanan

7. Pemegang Akaun berhak mendapat faedah atas deposit yang ada dalam Harvest SA mengikut kadar terkini seperti tertera dalam laman web HLB di www.hlb.com.my (“Laman Web HLB”).
8. Faedah pelbagai tingkat atas deposit dalam Harvest SA dikira dan diakru setiap hari berdasarkan baki penutup setiap hari dan dikreditkan pada hari akhir setiap bulan ke dalam Harvest SA.
9. Sekiranya Harvest SA ditutup sebelum tarikh pengkreditan faedah yang berikut, maka faedah yang terakru akan dikira secara pro-rata berdasarkan bilangan hari Harvest SA bergerak aktif dan hendaklah dikira setakat dan termasuk hari sebelum penutupan Harvest SA. Faedah akan dikreditkan pada hari Harvest SA ditutup.

e-Penyata Bulanan Dan Buku Akaun

10. Pemegang Akaun boleh membuka Harvest SA melalui sistem berikut yang tersedia di cawangan HLB:
 - (a) **Sistem Antara Muka Pelbagai Saluran (“MCI”)**
Buku akaun tidak akan dikeluarkan. e-Penyata Akaun Bulanan akan dihantar kepada Pemegang Akaun.

(b) Sistem Juruwang Cawangan (“BTS”)

Buku Akaun akan dikeluarkan. Penyata akaun bulanan tidak akan dikeluarkan kepada Pemegang Akaun. Pemegang Akaun hendaklah mengemaskini buku akaun secara manual dari semasa ke semasa di mana-mana cawangan HLB setelah identiti atau pengenalan diri Pemegang Akaun ditentusahkan. Buku akaun tidaklah memaparkan baki semasa Harvest SA Pemegang Akaun secara muktamad kerana transaksi deposit mungkin ada dibuat atau butiran caj mungkin ada dibuat sedangkan catatan rekod tidak ada dibuat dalam buku akaun jika buku akaun tidak dikemaskini secara manual. Rekod HLB hendaklah dianggap betul dan muktamad.

Pulangan Tunai Kad Debit

11. Pemegang Akaun yang memiliki Kad Debit HLB yang dipautkan kepada Harvest SA sebagai akaun belian runcit (“Pemegang Akaun”) akan berhak menerima pulangan tunai 0.5% (“Pulangan Tunai”) atas transaksi Kad Debit HLB mereka mengikut Terma & Syarat di bawah ini.
12. Pemegang Kad yang berikut **TIDAK** layak menerima Pulangan Tunai:
 - (a) Pemegang Kad yang memiliki Kad Debit HLB yang **TIDAK** dikeluarkan di Malaysia;
 - (b) Pemegang Kad yang akaun Kad Debit mereka **TIDAK** berkedudukan baik, tak aktif, dipautkan kepada CASA yang ditutup atau tak aktif atau yang melanggar mana-mana terma dan syarat HLB;
 - (c) Pemegang Kad yang akaun Kad Debit mereka dipercayai telah dikendalikan secara tipuan, menyalahi undang-undang dan/atau yang Kad Debit mereka telah dibatalkan atau ditaksahkan oleh HLB; dan/atau
 - (d) Pemegang Akaun yang merupakan pelanggan Perbankan Persendirian HLB.
13. Transaksi yang layak menerima Pulangan Tunai (“Transaksi Layak”) adalah transaksi yang dibuat dalam **Ringgit Malaysia (RM)** dengan peniaga berkaitan bidang penjagaan kesihatan, perubatan dan farmaseutikal terpilih yang dipautkan kepada Kod Kategori Peniaga (“MCC”) seperti tertera di bawah dan hendaklah termasuk pembelian di tempat jual, pembelian dalam talian dan pembilan automatik:

| MCC | Keterangan |
|------------|--|
| 5912 | Kedai Ubat dan Farmasi |
| 5975 | Alat Bantuan Pendengaran (Kedai Jualan, Perkhidmatan dan Bekalan) |
| 5976 | Barangan Ortopedik (Kedai Anggota Palsu) |
| 8011 | Doktor (tidak dikelaskan tempat lain) |
| 8021 | Doktor Pergigian dan Pakar Ortodontik |
| 8031 | Pakar Perubatan Osteopati |
| 8041 | Kiropraktor |
| 8042 | Optometris dan Pakar Oftalmologi |
| 8049 | Kiropodis dan Podiatris |
| 8050 | Kemudahan Kejururawatan dan Penjagaan Diri |
| 8062 | Hospital |
| 8071 | Makmal Pergigian dan Makmal Perubatan |
| 8099 | Pengamal Kesihatan dan Perkhidmatan Perubatan (tidak dikelaskan tempat lain) |

14. Hanya Transaksi Layak yang berjaya seperti mana dinyatakan dalam Fasal 11 hingga 13 di atas yang berjaya direkodkan oleh HLB akan layak menerima Pulangan Tunai.
15. Jumlah Pulangan Tunai yang layak bagi setiap Pemegang Kad dihadkan setakat **Ringgit Malaysia Satu Ratus (RM100)** setiap bulan kalendar.

16. Kad Debit HLB dan Harvest SA Pemegang Kad mestilah kekal sah dan aktif sehinggalah Pulangan Tunai dikreditkan ke dalam Harvest SA, jika tidak Pulangan Tunai itu akan dilupuskan.
17. Pulangan Tunai akan dikreditkan ke dalam Harvest SA Pemegang Kad dalam masa **dua (2)** minggu pertama berikutan bulan Transaksi Layak itu dibuat.
18. Di bawah ini adalah contoh bagaimana kelayakan Pulangan Tunai dikira dan bila Pulangan Tunai dikreditkan:

| Bulan Transaksi Layak dibuat | Jumlah Amaun Transaksi Layak | Kelayakan Pulangan Tunai 0.5% | Bulan Pulangan Tunai dikreditkan ke dalam Harvest SA |
|------------------------------|------------------------------|-------------------------------|--|
| Jun 2016 | RM10,000 | RM50 | Julai 2016 |
| Julai 2016 | RM20,000 | RM100 | Ogos 2016 |
| Ogos 2016 | RM25,000 | RM100 | September 2016 |

PENYEDIAAN DEKLARASI AMANAH

19. Setelah membuka Harvest SA, Pemegang Akaun akan diberi pilihan untuk menggunakan khidmat Rockwills Trustee Berhad ("RWT") dengan tujuan menyediakan Deklarasi Amanah ("DOT") bagi Harvest SA dan/atau apa-apa akaun lain yang Pemegang Akaun selenggarakan dengan HLB mengikut pilihan Pemegang Akaun ("Pilihan DOT") Tiada sebarang caj dikenakan oleh RWT atas penyediaan DOT tersebut. Pilihan DOT ini hanya disediakan untuk Pemegang Akaun yang memegang Harvest SA secara individu.
20. HLB tidak memberi representasi atau waranti berkenaan dengan kualiti atau kesesuaian khidmat DOT yang disediakan oleh RWT, begitu juga HLB tidak dianggap telah membuat apa-apa syor mengenai Pilihan DOT kepada Pemegang Akaun. Pemegang Akaun hendaklah atas tanggungan dan perbelanjaan sendiri mengurus secara terus dengan RWT untuk segala maklumat mengenai Pilihan DOT tanpa bantuan HLB. Keputusan untuk menubuhkan Pilihan DOT adalah semata-mata berdasarkan pertimbangan Pemegang Akaun sendiri dan/atau nasihat daripada penasihat profesional mereka.

DEPOSIT GANJARAN HARI JADI

Deposit Ganjaran Hari Jadi ("BR Deposit") adalah satu akaun simpanan yang dibuka sebagai sub-akaun kepada Harvest SA. Penciptaan, peletakan dan pengeluaran BR Deposit akan dilakukan secara dalam talian melalui Hong Leong Connect ("HL Connect").

Kelayakan

1. BR Deposit hanya tersedia kepada Pemegang Akaun yang telah mendaftar untuk HL Connect.
2. BR Deposit hanya ditawarkan kepada Pemegang Akaun semasa Bulan Hari Jadi dan semua BR Deposit hanya boleh diletak semasa Bulan Hari Jadi (ditakrifkan dalam Fasal 24 di bawah).
3. Bagi mengelakkan keraguan, "Bulan Hari Jadi" ditakrifkan sebagai hari **pertama** bulan kalendar sehingga hari terakhir bulan kalendar bila mana berlakunya hari jadi Pemegang Akaun, termasuk kedua-dua tarikh.

Pembukaan Akaun dan Peletakan

4. Akaun BR Deposit hanya boleh dicipta oleh Pemegang Akaun melalui HL Connect sebagai sub-akaun kepada Harvest SA yang sedia ada.
5. BR Deposit hanya boleh dilakukan secara berikut:
 - (a) Peletakan BR Deposit adalah tertakluk kepada Amaun Peletakan Minimum BR Deposit dan Amaun Peletakan Maksimum BR Deposit seperti yang dinyatakan dalam jadual dalam Fasal 30 di bawah;
 - (b) Peletakan BR Deposit secara gandaan **TIDAK** dibenarkan. Hanya **satu (1)** peletakan BR Deposit boleh dilakukan setiap tahun kalendar semasa Bulan Hari Jadi melalui pemindahan dana dari Harvest SA sedia ada Pemegang Akaun (sama ada dipegang secara individu atau bersama) yang kepadanya dikaitkan Akaun BR Deposit;
 - (c) Pemindahan dana daripada akaun pihak **ketiga (ke-3)**, iaitu sumber dana bukan dari Harvest SA yang dimiliki oleh Pemegang Akaun secara persendirian atau bersesama, adalah tidak dibenarkan;
 - (d) Peletakan BR Deposit hanya boleh dilakukan melalui HL Connect antara 6.00 pagi dan 12.00 pagi, **tujuh (7)** hari seminggu, atau pada waktu-waktu yang ditetapkan oleh HLB di HL Connect.
6. Tarikh efektif bagi BR Deposit adalah tarikh peletakan ("Tarikh Peletakan") jika peletakan berjaya dilakukan melalui HL Connect.
7. Apabila peletakan berjaya dilakukan, Resit Transaksi HL Connect yang mengandungi butir-butir transaksi peletakan akan dijanakan, seperti amaun yang diletakkan di dalam BR Deposit ("Amaun Peletakan BR Deposit"), Tempoh (seperti yang ditakrifkan di dalam jadual dalam Fasal 29 di bawah) dan Kadar BR Deposit. Transaksi-transaksi dalam Akaun BR Deposit juga akan dipaparkan dalam penyata akaun Harvest SA.
8. Semua BR Deposit **TIDAK** boleh digunakan sebagai cagaran untuk mendapatkan apa-apa kemudahan kredit yang diberikan kepada Pemegang Akaun atau mana-mana pihak **ketiga (ke-3)** yang lain.

Faedah

9. Pemegang Akaun yang telah memasukkan Amaun Peletakan Minimum BR Deposit yang tertentu sehingga Amaun Peletakan Maksimum BR Deposit bagi Tempoh seperti mana tertera di bawah adalah berhak menikmati Kadar BR Deposit bersamaan seperti berikut:-

| Tempoh | Kadar BR Deposit | Kadar Efektif BR Deposit | Amaun Peletakan Minimum BR Deposit | Amaun Peletakan Maksimum BR Deposit |
|--------------------------------------|------------------|--------------------------|------------------------------------|-------------------------------------|
| Satu (1) bulan dari Tarikh Peletakan | 3.00% setahun | 3.00% setahun | RM5,000 | RM50,000 |

10. Amaun Peletakan Minimum BR Deposit, Amaun Peletakan Maksimum BR Deposit, Tempoh dan Kadar BR Deposit boleh dipinda oleh HLB pada bila-bila masa dari semasa ke semasa dengan memberi notis awal kepada Pemegang Akaun.
11. Bagi apa-apa pengeluaran awal atau penamatan awal BR Deposit atas apa jua sebab sekalipun, syarat-syarat berikut akan dikenakan atas amaun yang dikeluarkan:
 - (a) Faedah tidak akan dibayar jika BR Deposit dikeluarkan sebelum genap **lima belas (15)**

hari dari Tarikh Peletakan; atau

- (b) Kadar efektif 0.70% setahun akan dibayar jika BR Deposit dikeluarkan pada hari **kelima belas (ke-15)** dari Tarikh Peletakan atau bila-bila masa selepas itu.
- 12. Setelah tamat Tempoh, Amaun Peletakan BR Deposit bersama-sama dengan faedah yang diperolehi pada Kadar BR Deposit, akan dikreditkan secara automatik ke dalam Harvest SA Pemegang Akaun yang kepadanya dikaitkan Akaun BR Deposit itu.
- 13. Pengeluaran sebahagian dan pembaharuan amaun BR Deposit tidak dibenarkan.

UMUM

- 14. HLB berhak pada bila-bila masa, dengan memberi notis awal **dua puluh satu (21)** hari kalendar untuk menambah, menggugurkan, menggantung atau meminda Terma & Syarat yang terkandung di dalam ini, sama ada keseluruhan atau sebahagian, atas budi bicaranya yang mutlak dengan cara menyiarkannya dalam Laman Web HLB, atau dengan apa-apa cara yang dianggap sesuai oleh HLB. Pemegang Akaun bersetuju mengakses Laman Web dari semasa ke semasa untuk menyemak Terma & Syarat dan memastikan sentiasa mengikuti apa-apa perubahan atau pindaan kepada Terma & Syarat.
- 15. Fi dan caj standard bagi semua transaksi akan dikenakan ke atas Harvest SA mengikut Terma & Syarat di dalam ini, [Terma dan Syarat Am Akaun untuk Deposit dan Deposit Perbankan Islam](#) dan Terma dan Syarat Kad Debit. Fi dan caj standard dipaparkan dalam laman web HLB, seperti mana dipinda dari semasa ke semasa.
- 16. Jika terdapat sebarang percanggahan antara Terma & Syarat ini berbanding dengan [Terma dan Syarat Am Akaun untuk Deposit dan Deposit Perbankan Islam](#) dan/atau Terma dan Syarat Kad Debit (termasuk tetapi tidak terhad kepada fi dan caj), maka Terma & Syarat tertentu di sini akan diutamakan setakat mengenai percanggahan tersebut.
- 17. Terma & Syarat di dalam ini adalah tertakluk kepada dan ditafsirkan selaras dengan undang-undang Malaysia dan Pemegang Akaun bersetuju untuk akur kepada bidang kuasa Mahkamah-mahkamah Malaysia.

Akaun Simpanan Harvest yang termasuk sub-akaun Deposit Ganjaran Hari Jadi, jika ada, dilindungi oleh PIDM setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit.